

PHILIPS

Pembesar
Suara Parti

Seri 2000

TANX200/98



Manual pengguna

Daftarkan produk anda dan dapatkan sokongan di
www.philips.com/support


Kandungan

1	Penting	2	9	Penyelesaian Masalah	18
	Keselamatan	2		Mengenai peranti Bluetooth	18
2	Pembesar Suara Parti Anda	4	10	Pemberitahuan	19
	Pengenalan	4		Pematuhan	19
	Isi kandungan kotak	4		Penjagaan alam sekitar	19
	Gambaran keseluruhan unit utama	5		Pemberitahuan Tanda Perniagaan	19
	Main Semula Asas	7			
3	Mulakan	9			
	Menyambung	9			
	Sambung kuasa	10			
	Hidupkan	10			
4	Mainkan daripada USB	11			
	Mainkan daripada peranti storan USB	11			
	Mengawal trek dimainkan	11			
5	Memainkan audio melalui Bluetooth	12			
	Sambungkan peranti	12			
	Mainkan daripada peranti Bluetooth	12			
	Memisahkan peranti	13			
6	Laraskan bunyi	14			
	Laraskan kekuatan bunyi	14			
	Menambah baik bes	14			
7	Ciri-ciri lain	15			
	Mendengar kepada peranti luaran	15			
	Hidupkan atau matikan lampu hiasan	15			
8	Maklumat produk	16			
	Spesifikasi	16			
	Maklumat boleh main USB	17			
	Format MP3 Disokong	17			
	Penyelenggaraan	17			

I Penting

Keselamatan

Ketahui simbol keselamatan berikut



Simbol 'panahan petir' ini menunjukkan bahan tidak terbebat dalam unit anda yang mungkin boleh mengakibatkan kejutan elektrik. Untuk keselamatan semua ahli isi rumah anda, sila jangan alihkan penutup produk.

Simbol 'tanda seru' menunjukkan ciri yang mesti anda baca dengan teliti di dalam risalah yang dilampirkan untuk mencegah masalah pengendalian dan penyelenggaraan.

AMARAN: Untuk mengurangkan risiko kebakaran atau kejutan elektrik, radas ini tidak boleh didedahkan kepada hujan atau kelembapan dan objek yang dipenuhi dengan cecair, seperti pasu, tidak boleh diletakkan di atas radas ini.

PERHATIAN: Untuk mencegah kejutan elektrik, padankan bahagian bilah lebar palam ke slot lebar, kemudian, masukkan sepenuhnya.

Amaran

- Jangan sesekali mengalihkan selongsong peranti ini.
- Jangan sesekali membubuh pelincir pada mana-mana bahagian peranti ini.
- Jangan sesekali meletakkan peranti ini di atas peralatan elektrik yang lain.
- Jauhkan peranti ini daripada terkena cahaya matahari langsung, nyalaan terdedah atau haba.
- Jangan sesekali melihat alur laser di dalam peranti ini.
- Pastikan bahawa anda sentiasa mudah mengakses kord kuasa, palam, atau penyesuai untuk memisahkan peranti ini daripada kuasa.

- Jangan gunakan radas ini berdekatan dengan air.
- Pasangkan peranti mengikut arahan pengilang.
- Jangan pasangkan peranti berdekatan dengan mana-mana sumber haba seperti radiator, jeriji haba, dapur, atau lain-lain radas (termasuk amplifier) yang menghasilkan haba.
- Lindungi kord kuasa daripada dipijak atau terjepit, terutama di bahagian palam, bekas melindungi, dan titik keluar kord kuasa dari radas.
- Hanya gunakan sambungan/ aksesori yang khusus daripada pengilang.
- Hanya gunakan dengan troli, kaki, tripod, pendakap, atau meja yang khusus daripada pengilang atau yang dijual bersama-sama dengan radas tersebut. Apabila troli digunakan, ambil langkah berhati-hati semasa menggerakkan kombinasi troli/ radas untuk mencegah kecederaan akibat terjatuh.



- Cabut palam radas ini semasa petir dan guruh atau apabila tidak digunakan untuk jangka masa yang lama.
- Merujuk semua perkhidmatan servis kepada kakitangan perkhidmatan yang bertauliah. Servis diperlukan apabila radas telah rosak dalam apa-apa cara, seperti kord bekalan kuasa atau palam telah rosak, cecair tertumpah atau objek terjatuh ke atas radas, radas terdedah kepada hujan atau kelembapan, tidak beroperasi secara normal atau telah terjatuh.
- PERHATIAN untuk penggunaan bateri
 - Untuk mencegah kebocoran bateri yang boleh mengakibatkan kecederaan pada badan, kerosakan harta benda, atau kerosakan alat kawalan jauh:
 - Memasang bateri dengan betul, + dan - seperti yang ditanda di atas alat kawalan jauh.

- Jangan mencampurkan jenis bateri (lama dan baharu atau karbon dan alkali, dsb.).
- Keluarkan bateri apabila alat kawalan jauh tidak digunakan untuk jangka masa yang lama.
- Bateri tidak boleh didedahkan kepada haba melampau seperti cahaya matahari, api atau yang seumpamanya.
- Radas tidak boleh didedahkan kepada titisan dan percikan.
- Jangan letakkan sebarang punca berbahaya di atas radas (contohnya objek berisi dengan cecair, lilin bernyala).
- Apabila palam UTAMA atau pengganding alat digunakan sebagai peranti pemutus, peranti pemutus tersebut hendaklah sentiasa tersedia untuk dikendalikan.

! Perhatian

- Penggunaan kawalan atau pelarasan atau prestasi untuk tataraca selain daripada yang dalam ini mungkin menyebabkan pendedahan terhadap laser atau pengendalian tidak selamat yang lain.

Keselamatan pendengaran



Mendengar dengan kekuatan bunyi yang sederhana.

- Menggunakan fon kepala dengan kekuatan bunyi yang tinggi boleh menjejaskan pendengaran anda. Produk ini boleh menghasilkan bunyi dalam julat desibel yang boleh mengakibatkan kehilangan pendengaran bagi orang yang normal, walaupun pendedahan kurang daripada seminit. Julat desibel yang lebih tinggi ditawarkan kepada orang yang mungkin memang mengalami hilang pendengaran.
- Bunyi boleh memperdayakan dan mengelirukan. Dengan berlalunya masa, 'aras selesa' pendengaran menjadi tersuai dengan

kekuatan bunyi yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, selepas mendengar secara berpanjangan, bunyi yang dianggap 'normal' mungkin adalah kuat dan memudaratkan pendengaran anda. Untuk mengelak daripada hal ini berlaku, tetapkan kekuatan bunyi anda ke aras yang selamat sebelum pendengaran anda tersuai dengan kekuatan bunyi tersebut dan kekalkan ia pada aras tersebut.

Untuk menentukan aras kekuatan bunyi yang selamat:

- Tetapkan kawalan kekuatan bunyi kepada tetapan yang rendah.
- Perlahankan bunyi secara perlahan-lahan sehingga anda boleh mendengar dengan selesa dan jelas, tanpa herotan.

Mendengar untuk jangka masa yang munasabah:

- Pendedahan yang berpanjangan kepada bunyi, walaupun pada aras yang 'selamat', boleh juga mengakibatkan kehilangan pendengaran.
- Pastikan untuk menggunakan peralatan anda secara wajar dan ambil waktu rehat yang secukupnya.

Pastikan untuk meneliti garis panduan berikut apabila menggunakan fon kepala anda.

- Mendengar dengan kekuatan bunyi yang munasabah untuk jangka masa yang munasabah.
- Berhati-hati untuk tidak melaraskan kekuatan bunyi semasa pendengaran anda sedang menyesuaikan dengan kekuatan bunyi tersebut.
- Jangan tingkatkan kekuatan bunyi terlalu tinggi sehingga anda tidak boleh mendengar bunyi di sekeliling anda.
- Anda mesti mengambil langkah berhati-hati atau menghentikan penggunaan dengan sementara dalam keadaan yang berpotensi berbahaya.

≡ Nota

- Plat bercetak terletak di bahagian belakang unit.

2 Pembesar Suara Parti Anda

Tahniah atas pembelian anda, dan selamat datang ke Philips! Untuk menerima faedah sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan produk anda di www.Philips.com/welcome.

Pengenalan

Dengan produk ini, anda boleh

- Menikmati audio daripada peranti storan USB, peranti yang didayakan oleh Bluetooth, atau peranti luaran yang lain;

Untuk menambah baik bunyi, produk ini menawarkan kesan bunyi ini kepada anda:

- Perangsang Bes Dinamik (DBB)


Isi kandungan kotak

Periksa dan kenal pasti kandungan bungkusan anda:

- Unit utama x 1
- Bahan bercetak
- Kord kuasa AC x 1

Gambaran keseluruhan unit utama


PANEL ATAS:



- | | |
|--|--------------------------------|
| 1. SOKET MASUK MIKROFON1 | 10. SEBELUM |
| 2. SOKET MASUK MIKROFON2 | 11. KEKUATAN BUNYI- |
| 3. TOMBOL KEKUATAN BUNYI MIKROFON1 | 12. BLUETOOTH (penunjuk biru) |
| 4. TOMBOL KEKUATAN BUNYI MIKROFON2 | 13. MAINKAN/HENTIKAN SEMENTARA |
| 5. PEMUDAR VOKAL | 14. SETERUSNYA |
| 6. PENGUBAH SUARA | 15. KEKUATAN BUNYI+ |
| 7. DBB | 16. LAMPU |
| 8. PENUNJUK ARAS BATERI | 17. KEKUATAN BUNYI GITAR |
| 9. TUNGGU SEDIA (penunjuk merah) LIHAT ARAS BATERI | 18. GEMA |
| | 19. SLOT USB |
| | 20. ALIRAN KELUAR |
| | 21. ALIRAN MASUK |
| | 22. GITAR MASUK |

Gambaran keseluruhan unit utama

PANEL BELAKANG:



Main Semula Asas

PENGENDALIAN FUNGSI PANEL ATAS

POWER ON/OFF



- Tekan dan tahan selama 3 saat untuk menghidupkan/ mematikan unit. Tekan untuk melihat aras bateri semasa dalam status kuasa dihidupkan.

VOCAL FADER



- Tekan berulang kali untuk bertukar antara VOKAL DIHIDUPKAN dan VOKAL DIMATIKAN.



- Tekan berulang kali untuk menukarkan kesan DBB yang berbeza di antara DBB1/DBB2/ DBB DIMATIKAN.



- Tekan untuk memasuki mod bluetooth.
- Tekan dan tahan untuk memutuskan sambungan bluetooth.

VOICE CHANGER



- Tekan berulang kali untuk mengubah ton suara dia antara suara1/suara2/suara3/ suara dimatikan.



- Tekan berulang kali untuk bertukar di antara mod lampu yang berbeza bagi lampu penunjuk LED di atas pembesar suara. Tekan dan tahan untuk menghidupkan/mematikan lampu strob.



- Tekan untuk menghentikan main semula secara sementara; tekan semula untuk menyambungkan kembali main semula.



- Tekan untuk melangkaui kepada trek yang seterusnya.



- Tekan dan kembali kepada trek sebelum ini.



- Tekan [KEKUATAN BUNYI+] untuk menaikkan kekuatan bunyi.



- Tekan [KEKUATAN BUNYI-] untuk menurunkan kekuatan bunyi.

MIC VOL



- Kekuatan bunyi yang digunakan untuk karaoke atau membuat pengumuman boleh dilaraskan melalui tombol kekuatan bunyi mikrofon.

MIC ECHO



- Kekuatan bunyi gema mikrofon yang digunakan untuk karaoke atau membuat pengumuman boleh dilaraskan melalui tombol kekuatan bunyi mikrofon.

GUITAR VOL



- Kekuatan bunyi gitar anda yang disambungkan boleh dikawal oleh tombol kawalan kekuatan bunyi gitar di bahagian atas panel.

MIC IN1/2



- Mikrofon luaran boleh disambungkan melalui jack stereo soket mikrofon untuk menyanyi karaoke atau untuk membuat pengumuman.

GUITAR SOCKET



- Soket gitar di bahagian atas panel digunakan untuk menyambungkan gitar.

USB SLOT



- Peranti storan USB boleh disambungkan pada USB di bahagian atas panel untuk muzik MP3.

Main semula Asas

MAIN SEMULA MIKROFON

- Masukkan satu mikrofon ke dalam soket mikrofon di bahagian panel atas dan laraskan tombol kekuatan bunyi mikrofon di bahagian atas panel ke aras rendah.
- Laraskan kekuatan bunyi mikrofon dan aras gema kepada aras yang anda inginkan. Gunakan tombol kekuatan bunyi mikrofon di bahagian atas panel.

Selamat berkaraoke!

PENGENDALIAN MENGECAS

- Gunakan kord kuasa AC {termasuk} untuk menyambungkan soket input kuasa AC pada alur keluar kuasa AC. Lebih baik untuk menghidupkan unit sebelum mengecas bagi memaparkan status pengecasan bateri. Lampu penunjuk pengecasan semasa pada unit akan berkelip semasa mengecas, empat lampu penunjuk pengecasan akan berhenti berkelip menandakan bateri telah dicas sepenuhnya

Nota: Bateri pengecasan bina dalam unit tersebut boleh juga dicas semasa status kuasa dimatikan dan unit tersebut tidak boleh memaparkan status pengecasan

PERIKSA JANGKA HAYAT BATERI

- Pembesar suara di reka bentuk dengan ciri periksa bateri pintar untuk kemudahan anda.
- Tekan pada butang lihat aras bateri untuk menunjukkan aras bateri yang semasa pada penunjuk LED unit dalam mod kuasa dihidupkan sewaktu unit tidak mengecas

4 lampu PUTIH LED menyala=apl. 100% penuh

3 lampu PUTIH LED menyala=apl. 75% penuh

2 lampu PUTIH LED menyala=apl. 50% penuh

1 lampu PUTIH LED menyala=apl. 25% penuh (menunjukkan pengecasan diperlukan)

3 Mulakan

! Perhatian

- Penggunaan kawalan atau pelarasan prestasi untuk tatacara selain daripada yang dalam ini mungkin menyebabkan pendedahan terhadap laser atau pengendalian tidak selamat yang lain.

Sentiasa mengikut arahan dalam bab ini mengikut turutan.

Jika anda menghubungi Philips, anda akan ditanya tentang model dan nombor siri radas ini. Nombor model dan nombor siri terdapat di bahagian belakang radas. Tuliskan nombor itu di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Menyambung

ALIRAN MASUK

Unit ini mempunyai sebuah terminal input audio. Anda boleh memasukkan isyarat audio stereo analog daripada peranti tambahan seperti VCD, CD, VCR, pemain MP3, dsb.

Gunakan kabel audio untuk menyambungkan terminal input **ALIRAN MASUK** di bahagian atas panel pemain ini, unit akan bertukar kepada mod **ALIRAN MASUK** secara automatik.

Penyambungan GITAR MASUK

Anda boleh menyambungkan gitar kepada pembesar suara parti secara langsung melalui soket input gitar di bahagian atas panel.

Gunakan penyambung gitar 6,5 mm (1/4") untuk menyambungkan soket **GITAR MASUK** di bahagian atas panel, dan kekuatan bunyi gitar yang disambungkan boleh dikawal oleh tombol kawalan kekuatan bunyi gitar di bahagian atas panel.

Sambung kuasa


! Perhatian

- Risiko kerosakan produk! Pastikan bahawa voltan bekalan kuasa adalah mengikut voltan yang tercetak di bahagian belakang atau di sebelah bawah produk.
- Risiko kejutan elektrik! Apabila anda mencabut palam kord kuasa, selalu tarik palam dari soket. Jangan sesekali menarik kord.

☰ Nota

- Sebelum menyambungkan kuasa AC, pastikan bahawa anda telah melengkapkan semua sambungan.

Sambungkan kord kuasa AC ke jack AC MASUK di bahagian belakang unit tersebut. kemudian masukkan palam di bahagian hujung lain kord kuasa AC ke dalam alur keluar kuasa.



Hidupkan

Tekan \odot .


- ↳ Tekan dan tahan selama 3 saat untuk menghidupkan/mematikan unit.


4 Mainkan daripada USB


Mainkan daripada peranti storan USB

Nota

- Pastikan bahawa peranti USB mengandungi kandungan audio yang boleh dimainkan dalam format yang disokong.




- 1 Tekan dan tahan selama 3 saat untuk menghidupkan unit.
- 2 Masukkan palam USB peranti ke dalam  soket. Unit tersebut akan bertukar secara automatik kepada mod memainkan USB.



- 3 Tekan  untuk memilih trek **audio**.
↳ Trek dimainkan secara automatik.

Mengawal trek dimainkan

Dalam mod USB, ikuti arahan di bawah untuk mengawal trek yang dimainkan.

Butang	Tindakan
 / 	Tekan untuk melangkaui trek yang sebelum atau seterusnya
+ / -	Tingkatkan/kurangkan kekuatan bunyi.
	Tekan untuk menghentikan sementara atau menyambung kembali untuk memainkan.

5 Memainkan audio melalui Bluetooth

Produk ini boleh strim muzik daripada peranti Bluetooth anda ke sistem melalui Bluetooth.


Sambungkan peranti



Nota

- Sebelum menggandingkan peranti dengan produk ini, baca manual pengguna untuk keserasian Bluetooth.
- Produk ini boleh mengingati maksimum lapan peranti yang digandingkan. Peranti kesembilan yang digandingkan akan menggantikan peranti yang pertama.
- Sebarang halangan antara produk dengan peranti Bluetooth boleh mengurangkan julat pengendalian. Jauhkan daripada mana-mana peranti elektronik yang boleh menyebabkan interferens.
- Julat pengendalian di antara produk ini dengan peranti Bluetooth adalah lebih kurang 10 meter (30 kaki).

Sambungkan peranti secara manual


- 1 Tekan  butang untuk memilih mod bluetooth.
- 2 Mendayakan Bluetooth pada peranti Bluetooth dan cari peranti Bluetooth yang boleh digandingkan (lihat manual pengguna peranti).
- 3 Pilih **[PHILIPS TANX200]** yang dipaparkan atas peranti anda untuk penggandingan.
 - ↳ Selepas penyambungan berjaya, penunjuk bluetooth tidak berkelip.

Mainkan daripada peranti Bluetooth

Selepas penyambungan Bluetooth berjaya, mainkan audio pada peranti Bluetooth.

- ↳ Audio dialirkan daripada peranti Bluetooth kepada produk ini.

Memisahkan peranti

- Tekan dan tahan  **butang** selama tiga saat;
- Menyahdayakan peranti Bluetooth pada peranti anda;
- Alihkan peranti melangkaui julat komunikasi



Nota

- Sebelum menyambungkan peranti Bluetooth, pisahkan peranti semasa terlebih dahulu.

6 Laraskan bunyi

Laraskan kekuatan bunyi

Semasa memainkan, tekan **+ VOL** - untuk meningkat atau mengurangkan kekuatan bunyi.

Menambah baik bes

Tetapan Perangsang Bes Dinamik (DBB) diwujudkan secara automatik untuk setiap pilihan EQ. Anda boleh memilih tetapan DBB yang paling sesuai dengan persekitaran pendengaran anda secara manual.

- Semasa dimainkan, tekan **DBB** berulang kali untuk memilih:
 - **DBB 1**
 - **DBB 2**
 - **DBB DIMATIKAN**


7 Ciri-ciri lain

Mendengar kepada peranti luaran

Dengan produk ini, anda boleh mendengar pada peranti audio luaran seperti pemain MP3.

Mainkan daripada pemain MP3

- 1 Tekan dan tahan selama 3 saat untuk menghidupkan unit.
- 2 Sambungkan kabel input audio (tidak dibekalkan) dengan penyambung 3,5 mm di kedua-dua bahagian hujung ke:
 - soket **ALIRAN MASUK** pada produk.
 - soket fon kepala pada pemain MP3.
 - unit bertukar kepada mod **ALIRAN MASUK** secara automatik.
- 3 Mainkan audio pada pemain MP3 (rujuk pada manual pengguna).



Hidupkan atau matikan lampu hiasan

Dalam mod kuasa dihidupkan, tekan **LAMPU** berulang kali untuk memilih warna lampu atau mematikan lampu:

Dalam mod kuasa dihidupkan, tekan **LAMPU** berulang kali untuk bertukar antara mod lampu yang berbeza bagi lampu penunjuk LED di atas pembesar suara.

Dalam mod kuasa dihidupkan, Tekan dan tahan untuk menghidupkan/mematikan lampu strob.

8 Maklumat produk

Spesifikasi

Amplifier

Kuasa Output AC	Maksimum 80 W
Kuasa Output Bateri	30 W
Nisbah Isyarat kepada Hingar	≥ 65 dBA
Jumlah Herotan Harmoni	$< 1\%$

Pembesar Suara

Impedans Pembesar Suara	4 ohm
Sensitiviti	87 ± 3 dB/m/W

USB

Versi Langsung USB	2.0 Kelajuan Penuh
--------------------	--------------------

Bluetooth

Versi Bluetooth	V5.0
Jalur Frekuensi Bluetooth	2,4 GHz ~ 2,48 GHz jalur ISM
Julat Bluetooth	10 m (ruang kosong)

Bateri

Kapasiti bateri	Terbina dalam boleh dicas semula 1,1 V 4400 mAh
-----------------	--

Maklumat Umum

Kuasa AC	100-240 V~, 50/60 Hz
Penggunaan Kuasa Siap Sedia Eko	≤ 1 W

Dimensi

- Unit Utama (Lebar x Tinggi x Kedalaman)	268 x 556 x 285 mm
---	--------------------

Berat

- Unit Utama	7,7 kg
--------------	--------

Maklumat boleh main USB

Peranti USB yang serasi:

- Ingatan kilat USB (USB 2.0)
- Pemain kilat USB (USB 2.0)
- kad ingatan (memerlukan pembaca kad tambahan untuk berfungsi dengan unit ini)

Format disokong:

- Format USB atau format fail ingatan FAT12, FAT16, FAT32 (saiz sektor: 512 bait)
- Kadar bit MP3 (kadar data): 32-320 Kbps dan pembolehubah kadar bit
- Direktori bersarang maksimum hingga 8 peringkat
- Bilangan album/ folder: maksimum 99
- Bilangan trek/ tajuk: maksimum 999
- Nama fail dalam Unikod UTF8 (panjang maksimum: 128 bait)

Format tidak disokong:

- Album kosong: album yang kosong ialah album yang tidak mengandungi fail MP3, dan tidak ditunjukkan dalam paparan.
- Melangkau format fail tidak disokong. Contohnya, dokumen Word (.doc) atau fail MP3 dengan sambungan .dlf diabaikan dan tidak dimainkan.
- Fail audio AAC, WAV, PCM
- Fail WMA

Format MP3 Disokong

- Bilangan tajuk maksimum: 999 (bergantung kepada panjang nama fail)
- Bilangan album maksimum: 64
- Frekuensi pensampelan disokong: 32 kHz, 44,1 kHz, 48 kHz
- Kadar Bit disokong: 32-320 (kbps), kadar bit pembolehubah

Penyelenggaraan

Membersihkan kabinet

- Gunakan kain lembut yang dilembapkan sedikit dengan larutan pencuci lembut. Jangan gunakan larutan yang mengandungi alkohol, spirit, ammonia atau larutan yang melelas.

9 Penyelesaian Masalah

! Perhatian

- Jangan sesekali alihkan selongsong unit ini.

Untuk mengekalkan kesahan waranti, jangan sesekali membaiki sistem dengan sendiri. Jika anda menghadapi masalah semasa menggunakan unit ini, periksa perkara berikut sebelum memohon untuk perkhidmatan servis. Jika masalah masih tidak dapat diselesaikan, layari laman sesawang Philips (www.philips.com/support). Apabila anda menghubungi Philips, pastikan bahawa unit anda sentiasa berhampiran dengan anda dan nombor model serta nombor siri boleh didapati.

Tiada kuasa

- Pastikan bahawa palam kuasa AC unit disambungkan dengan betul.
- Pastikan bahawa terdapat kuasa pada alur keluar AC.
- Untuk menjimatkan kuasa, unit akan bertukar kepada mod siap sedia secara automatik, 15 minit selepas trek yang dimainkan hampir tamat dan tiada kawalan dikendalikan.

Tiada bunyi atau bunyi lemah

- Laraskan kekuatan bunyi.

Tiada respons daripada unit

- Pisahkan dan sambungkan semula palam kuasa AC, kemudian hidupkan semula unit.

Tidak boleh memaparkan beberapa fail dalam peranti USB

- Bilangan folder atau fail dalam peranti USB telah melebihi had tertentu. Fenomena ini bukanlah merupakan pincang tugas.
- Format fail ini tidak disokong.

Peranti USB tidak disokong

- Peranti USB tidak serasi dengan unit. Cuba peranti yang lain.

Mengenai peranti Bluetooth

Kualiti audio adalah lemah selepas penyambungan dengan peranti yang didayakan oleh Bluetooth.

- Penerimaan Bluetooth adalah lemah. Rapatkan peranti dengan produk atau mengalihkan halangan di antara peranti dengan produk.

Tidak boleh menyambung dengan peranti.

- Fungsi Bluetooth peranti tidak didayakan. Rujuk manual pengguna peranti tentang cara untuk mendayakan fungsi.
- Produk ini sudah pun bersambung dengan peranti yang didayakan oleh Bluetooth yang lain. Pisahkan peranti tersebut dan kemudian cuba sekali lagi.

Peranti yang digandingkan bersambung dan dipisahkan secara berterusan.

- Penerimaan Bluetooth adalah lemah. Rapatkan peranti dengan produk atau mengalihkan halangan di antara peranti dengan produk.
- Untuk sesetengah peranti, sambungan Bluetooth mungkin dinyahaktif secara automatik sebagai ciri penjimatan kuasa. Hal ini bukan menunjukkan sebarang pincang tugas produk ini.

10 Pemberitahuan

Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang dilakukan pada peranti ini yang tidak diluluskan secara jelas oleh **MMD Hong Kong Holding Limited** mungkin membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Pematuhan



Dengan ini, **MMD Hong Kong Holding Limited** mengisytiharkan bahawa produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan berkaitan yang lain Arahan **2014/53/EU**. Anda boleh dapatkan Pengisytiharan Kesesuaian di www.philips.com/support.

Penjagaan alam sekitar

Melupuskan produk lama dan bateri anda



Produk ini direka bentuk dan dikilangkan dengan kualiti bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula serta diguna semula.



Simbol ini yang terdapat di atas produk bermaksud bahawa produk tersebut dilindungi oleh Arahan Eropah 2012/19/EU.



Simbol ini bermaksud bahawa produk tersebut mengandungi bateri yang dilindungi oleh Arahan Eropah 2013/56/EU yang tidak boleh dilupuskan

bersama-sama dengan sisa buangan isi rumah yang biasa.

Maklumkan diri anda tentang sistem pengumpulan berasingan tempatan untuk barangan elektrik dan elektronik serta bateri. Patuhi peraturan tempatan dan jangan sesekali melupuskan produk serta bateri bersama-sama dengan sisa buangan isi rumah yang biasa. Pelupusan yang betul produk lama dan bateri membantu dalam mencegah akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Menyingkirkan dan melupuskan bateri

Untuk menyingkirkan dan melupuskan bateri, lihat pada bahagian pemasangan bateri.

Maklumat alam sekitar

Semua pembungkusan yang tidak diperlukan, disingkirkan. Kami cuba untuk menghasilkan pembungkusan yang mudah diasingkan kepada tiga jenis bahan: kadbod (kotak), gabus polistirena (penimbal) dan polietilena (beg, kepingan gabus pelindung.)

Sistem anda mengandungi bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula jika dipisahkan atau diasingkan oleh syarikat yang khusus. Sila fahami dengan teliti peraturan tempatan tentang pelupusan bahan pembungkusan, bateri yang sudah habis dan peralatan lama.

Pemberitahuan Tanda Perniagaan



Tanda perkataan dan logo Bluetooth® ialah tanda dagang didaftarkan yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda tersebut oleh **MMD Hong Kong Holding Limited** adalah di bawah lesen. Tanda dagang dan nama perniagaan yang lain adalah milik pemilik perniagaan masing-masing.



Ini merupakan radas KELAS II dengan dua penebat, dan tiada perlindungan pembumian diberikan.



Bertanggungjawab dan menghormati hak cipta

Penghasilan salinan yang tidak sah untuk bahan yang dilindungi, termasuk program komputer, fail, siaran dan rakaman bunyi, mungkin merupakan suatu pelanggaran hak cipta dan menjadi suatu kesalahan jenayah. Peralatan ini tidak boleh digunakan untuk tujuan berkenaan.



Spesifikasi adalah tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan.

Philips dan Philips Shield Emblem ialah tanda dagang bagi Koninklijke Philips N.V.dan digunakan di bawah lesen. Produk ini dikilangkan oleh dan dijual di bawah tanggungjawab MMD Hong Kong Holding Limited, atau salah satu gabungan syarikat berkenaan, dan MMD Hong Kong Holding Limited merupakan penjamin bagi hal berkaitan produk ini.

